



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Agenzia Kementerian Pembangunan Luar Bandar

KENYATAAN TENDER (KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan perkhidmatan berikut:

NO. TENDER	KOD BIDANG	TAJUK KERJA	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT TENDER	TEMPOH DAN TEMPAT PENJUALAN DOKUMEN TENDER	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP TENDER
19/2020	040103	CADANGAN PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENYEDIA DAN MENGHIDANG MAKANAN BERMASAK ISLAM DI MRSM KUANTAN, PAHANG SESI 2021 / 2022	06/10/2020 (SELASA) MASA PENDAFTARAN : 9.00 PG – 10.00 PG MASA TAKLIMAT : 10.00 PG – 12.00 TGH MASA LAWATAN TAPAK : 12.00 TGH – 1.00 TGH MRSM KUANTAN, PAHANG Jalan Tok Sira, Alor Akar, 25250 Kuantan, Pahang	06/10/2020 hingga 20/10/2020 PEJABAT MARA NEGERI, PAHANG Kuarter Bayaran, Tingkat 3, Plaza Gambut, Jalan Gambut, 25000 Kuantan, Pahang	RM 50.00	27/10/2020 (Sebelum 12.00 tengah hari)

Taklimat dengan mematuhi garis panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara

* Hanya satu (1) penama Syarikat yang berdaftar dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA dibenarkan menghadiri lawatan tapak

2. Pembekal-pembekal Bumiputera hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membekali dokumen.
- i) **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
 - ii) **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA** dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
- Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan **MARA semasa sesi taklimat dan membeli dokumen**. Pembekal hendaklah membawa **cop syarikat semasa menghadiri Taklimat Tender**. **MARA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan **MARA** tidak layak.
3. Bayaran dokumen tender boleh dibuat secara **BANK DRAF/ WANG POS / KIRIMAN WANG** atas nama **MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)**, Wang ini tidak akan dikembalikan. **Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja.**
4. Dokumen tender boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi – 4.00 petang) **di alamat seperti di atas**. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh ini.
5. **Pembekal yang berminat DIWAJIBKAN menghadiri taklimat tender seperti alamat di atas. WAKIL SYARIKAT adalah TIDAK DIBENARKAN untuk menghadiri taklimat tender dan membeli dokumen. Hanya PEMILIK SYARIKAT / PENAMA YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan KAD PENGENALAN dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dan SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan taklimat tender tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh MARA semasa menghadiri taklimat tender. Lawatan tapak adalah digalakkan kepada petender dalam tempoh yang akan dimaklumkan semasa taklimat.**

6. **Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.**

7. **MARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **MARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

8. Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Tender** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** seperti alamat di bawah:

**PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET & PEROLEHAN
TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER) LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,
JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR.**

Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

9. Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>